

Terma dan Syarat

Kempen Rujukan Selangor Advance RM 300

1. Pendahuluan

- 1.1. Seldana Infra Sdn. Bhd. (No. Syarikat 1373193-M) ("**Seldana**") merupakan pemodal yang membekalkan *supply chain financing* bagi menyelesaikan masalah aliran tunai belum terima yang dihadapi oleh perusahaan kecil dan sederhana ("**PKS**") melalui platform Selangor Advance ("**Platform**").
- 1.2. '*Kempen Rujukan Selangor Advance RM 300*' ("**Promosi**") dianjurkan oleh Seldana, di mana perujuk yang berjaya merujuk PKS untuk mendapat pembiayaan daripada Seldana akan layak untuk bermula dari RM 300.00 di dalam bentuk kredit di atas Platform ("**Ganjaran Promosi**"). Promosi dan Ganjaran Promosi adalah tertakluk kepada kriteria, terma dan syarat di bawah.
- 1.3. Ganjaran Promosi akan dianggap layak dan akan dibayar kepada perujuk jika setelah memenuhi kriteria, terma dan syarat seperti yang ditentukan di bawah.

2. Kelayakan

- 2.1. Promosi ini berdasarkan prinsip "siapa cepat, dia yang dapat", tertakluk kepada ketersediaan dan hanya boleh diguna pakai oleh perujuk dan PKS yang memenuhi kriteria di bawah:

A. "Perujuk yang Layak"

- 2.1.1. Perujuk adalah seseorang yang merujuk syarikat yang berjaya mendapat kelulusan pembiayaan dari pihak Selangor Advance.

B. "Kriteria Rujukan"

- 2.1.2. PKS yang dirujuk oleh Perujuk yang Layak mesti mempunyai kontrak yang wujud dan semasa untuk membekalkan perkhidmatan dan/atau produk kepada KDEB Waste Management Sdn. Bhd. atau salah satu entiti di bawah kumpulan syarikat Kerajaan Negeri Selangor, agensi Kerajaan Negeri Selangor dan/atau pihak berkuasa tempatan Negeri Selangor yang dikenali di atas Platform sebagai seorang *paymaster* yang diluluskan ("**Paymaster**").

C. "Kriteria Pengeluaran Dana"

- 2.1.3. PKS yang berlayak mesti telah diterima di atas Platform dan telah menandatangani surat tawaran dan semua perjanjian relevan yang diperlukan oleh Seldana. PKS yang berlayak juga perlu memohon pembiayaan untuk invois yang dikeluarkan kepada Paymaster, melalui permohonan bayaran awal dengan jumlah pembiayaan minimum sebanyak RM 10,000.00, dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh rujukan Perujuk yang Layak.

3. Perincian

- 3.1. Promosi ini berlangsung dari 10 September 2023 – 31 Disember 2024 ("**Tempoh Promosi**").
- 3.2. Setelah PKS memenuhi Kriteria Rujukan dan Kriteria Pengeluaran, Perujuk yang Layak akan dianggap berlayak untuk menerima Ganjaran Promosi ("**Perujuk Berkelayakan**").
- 3.3. Seldana akan bermula memproses jumlah Ganjaran Promosi untuk dibayarkan kepada Perujuk Berkelayakan selepas tiga puluh (30) hari daripada tarikh akhir Tempoh Promosi dan membayar Ganjaran Promosi kepada Perujuk Berkelayakan.

4. Terma dan Syarat Lain

- 4.1. Promosi ini tidak boleh digunakan bersama dengan promosi lain kecuali jika diputuskan oleh Seldana.

- 4.2. Seldana berhak untuk mengganti Ganjaran Promosi dengan produk dan / atau perkhidmatan lain, dan dalam hal ini, semua terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh Promosi ini akan terpakai kepada ganjaran berganti. Sebarang perubahan kepada ganjaran akan diumumkan dengan cara yang dianggap sesuai oleh Seldana.
- 4.3. Seldana berhak untuk meminda dan menamatkan Tempoh Promosi lebih awal berdasarkan budi bicaranya sendiri, boleh menarik balik promosi ini pada bila-bila masa dan menentukan perujuk yang berlayak untuk Ganjaran Promosi ini.
- 4.4. Promosi ini adalah berdasarkan “siapa cepat, dia yang dapat” dan tertakluk kepada ketersediaan dan klausa 4.5.
- 4.5. Promosi ini akan menawarkan jumlah sebanyak RM 15,000.00 sebagai Ganjaran Promosi dan selepas jumlah ini telah habis, Promosi ini akan ditamatkan secara automatik, dan Promosi ini akan berakhir tanpa sebarang notis.
- 4.6. Seldana berhak untuk mengubah, membetul, menambah, memindahkan dan/atau mengganti sebarang Terma dan Syarat ini atau menggantung dan/atau membatalkan Promosi ini tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan ketidaktentuan, sebarang perubahan, penambahan, pemindahan, penggantian, pembatalan atau penggantungan Promosi oleh Seldana tidak akan membolehkan mana-mana Perujuk yang Layak atau PKS untuk membuat sebarang tuntutan terhadap atau permintaan pampasan daripada Seldana untuk sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang ditanggung langsung atau tidak langsung disebabkan oleh tindakan perubahan, pembetulan, penambahan, pemindahan, pembatalan, penamatan Terma dan Syarat dan/atau penggantungan Promosi.
- 4.7. Seldana tidak akan menanggung liabiliti untuk apa-apa kemungkiran yang disebabkan oleh sebarang peristiwa *force majeure*, kesalahan teknikal, kegagalan atau batasan, tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, mogok, terrorisme, wabak, penyekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang peristiwa yang di luar kawalan Seldana yang munasabah.
- 4.8. Keputusan Seldana berkenaan dengan semua aspek Promosi ini adalah terakhir, muktamad dan terikat dalam semua situasi. Sebarang aduan atau rasa tidak puas hati yang timbul tidak akan dilayan oleh Seldana.
- 4.9. Terma dan syarat di sini akan tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan Perujuk yang Layak tunduk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 4.10. Terma dan syarat di sini disediakan dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Terjemahan dalam Bahasa Malaysia disediakan bagi tujuan kemudahan, rekod dan semakan. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian dan percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan menjadi rujukan yang sah untuk digunakan.